

Dengan dua kes disahkan setakat ini dan 18 lagi menunggu keputusan, Malaysia berdepan gelombang ganas Omicron yang kini menular di lebih 77 negara termasuk di benua Afrika, Eropah dan Asia.

“Siap siaga semua, sudah ada dalam negarahanya tunggu masa,” Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memberitahu sidang akhbar kelmain ketika melaporkan kes kedua varian yang dibimbangi (VOC) Covid-19 itu.

Beliau sudah memaklumkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah untuk mengarah semua petugas barisan hadapan perubatan kembali ke ‘medan perang’.

Kes kedua varian Omicron melibatkan seorang kanak-kanak perempuan warganegara Malaysia berusia lapan tahun yang kembali ke negara ini bersama ibu dan adik perempuannya dari Lagos, Nigeria pada 5 Disember lepas.

Kes pertama varian Omicron Malaysia melibatkan seorang pelajar berusia 19 tahun (bukan warganegara) sebuah universiti swasta di Ipoh, Perak yang sudah lengkap mengambil vaksin dan melakukan perjalanan...



PETUGAS menunjukkan vaksin Covid-19 yang digunakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

KEMBALI KE MEDAN PERANG

OMICRON: HANYA TUNGGU MASA?

4,970

Jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh VOC

seMBER 2021, sebanyak 37 lagi kes dilaporkan, menjadikan kes kumulatif sebanyak 31,026 kes.

Sementara itu, kadar kebolehhangkitan Covid-19 atau Ro/Rt sepanjang tempoh rangkuman ini masih bawah 1.00, seperti berikut, 11 Disember (0.97), 12 Disember (0.95), 13 Disember (0.94), 14 Disember (0.93), 15 Disember (0.92) dan 16 Disember (0.90).

Negeri mencatat Ro/Rt yang tinggi pada 16 Disember ialah Negeri Sembilan (1.02), Pahang (1.00) dan Pulau Pinang (1.00).

R-Naught (Ro/Rt) ialah kebolehhangkitan satu kes positif Covid-19 kepada orang lain dalam tempoh kebolehhangkitan. Ro 0.5 diperlukan untuk melandai-kan lekuk jangkitan koronavirus maut ini.

Dr Noor Hisham pada Sabtu 11 Disember lepas dalam laporan mengenai Situasi dan Maklumat Terkini Mengenai Mutasi Spike Protein Covid-19 di Malaysia, berkata, 298 kes baharu varian dilaporkan daripada 19 November 2021 sehingga 9 Disember 2021.

melakukan perjalanan pulang ke ke Afrika Selatan.

Varian Omicron mula dikesan di wilayah Gauteng, Afrika Selatan diumumkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 26 November 2021.

Menurut kajian seorang saintis Jepun, varian Omicron mempunyai daya tular 4.2 kali ganda pada peringkat awal berbanding varian Delta.

China dan Indonesia antara negara terkini melaporkan kes varian Omicron, sementara United Kingdom (UK) pada Selasa 14 Disember 2021 melapor kematian pertama akibat varian koronavirus Omicron sejak kes pertama dikesan di negara berkenaan pada 27 November 2021.

Kelmarin sahaja, UK mencatat 88,376 kes baharu Covid-19, menjadikan kes kumulatif 11,097,851 kes.

97.4% dewasa lengkap vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 22,805,239 individu atau 97.4 peratus daripada populasi dewasa di Malaysia lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi laman COVIDNOW, sejumlah 98.7 peratus atau 23,114,489 individu dewasa

Sementara itu, Malaysia semalam merekod kes harian baharu Covid-19 sebanyak 4,262 kes, menjadikan kumulatif kes koronavirus di Malaysia 2,707,402 kes.

Kes aktif Covid-19 dengan kebolehhajangan setakat

di negara ini menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pada masa yang sama, 86.8 peratus atau 2,732,273 individu populasi remaja berumur 12 hingga 17 melengkapkan vaksinasi mereka dan 90 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin.

Sementara itu, 172,511 dos suntikan harian di-

pukul 11:59 malam 16 Disember ialah 56,229 kes.

Sepanjang tempoh rangkuman mingguan 11 Disember hingga 16 Disember 2021, data kes harian baharu adalah seperti berikut: 11 Disember (4,626 kes), 12 Disember (3,490 kes), 13 Di-

berikan melibatkan 162,147 dos penggalak, 4,414 suntikan pertama dan 5,950 suntikan lengkap kelmarin.

Perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 55,563,359 dengan 4,274,115 daripadanya adalah dos penggalak.

sember (3,504 kes), 14 Disember (4,097 kes), 15 Disember (3,900 kes) dan 16 Disember (4,262 kes).

Dengan kes kumulatif 2,707,402 kes, Malaysia kekal di tangga 21 daripada 222 buah negara/wilayah yang dilanda pandemik Covid-19.

Di hadapan Malaysia ialah Filipina (2,837,016 kes) dan Belanda (2,936,761 kes).

Daripada 4,262 kes baharu diumumkan kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hanya 78 kes (1.8 peratus) kategori 3, 4, dan 5, sementara 4,184 kes (98.2 peratus) lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Sebanyak 4,985 kes pesakit Covid-19 diumumkan sembuh kelmarin, menjadikan kes kumulatif sembuh sebanyak 2,620,147 kes (96.8 peratus).

Setakat kelmarin 284 kes disahkan Covid-19, memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dan 135 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Untuk kes kematian Covid-19 di Malaysia, setakat pukul 11:59 malam, 16 Di-

sehingga 8 Disember 2021.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak 4,990 kes. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, 4,970 kes VOC manakala 20 kes VOI.

Setakat 16 Disember 2021, jumlah kluster aktif di Malaysia menyusut kepada 248 kes. Untuk rekod, 6,062 kluster dikesan di negara ini dan 5,814 kluster daripadanya ditamatkan.

Sepanjang tempoh rangkuman mingguan (11 Disember hingga 16 Disember 2021), berdasarkan data KKM, jumlah kluster baharu dilaporkan sebanyak 33 kluster. Kluster terbanyak adalah kluster tempat kerja, 18 kluster (54.5 peratus) dan kluster komuniti, enam kluster (18.1 peratus).